

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Skim Pinjaman Yuran Pengajian Luar negara

Garis Panduan Skim Pinjaman Yuran Pengajian Luar Negara

- **Prinsip dan Konsep Pinjaman**

Kerajaan pada prinsipnya mengalakkan pelajar-pelajar mengikuti pengajian di dalam negara selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu. Sehingga kini terdapat 20 buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan lebih 500 Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan pelbagai bidang pengajian kepada pelajar. Sungguhpun demikian, kerajaan menerima banyak permohonan daripada pelajar-pelajar persendirian yang sedang mengikuti pengajian di luar negara untuk mendapatkan bantuan kewangan. Sehubungan itu, kerajaan meluluskan Skim Pinjaman Yuran Pengajian Luar Negara bagi meringankan beban kewangan pelajar-pelajar persendirian di luar negara tertakluk kepada syarat dan kriteria yang tertentu.

Kemudahan pinjaman yang disediakan adalah berkonsepkan *cost sharing* di mana JPA akan membiayai yuran pengajian sahaja tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM200,000.00 seorang bagi Program Pinjaman Biasa (bagi bidang-bidang pengajian selain Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains Veterinar) dan maksimum RM 250,000.00 bagi Program Pinjaman Khas Perubatan (bagi bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains Veterinar). Had ini ditetapkan agar tidak membebankan pelajar-pelajar untuk membuat bayaran balik selepas tamat pengajian nanti. Lain-lain kos seperti kos sara hidup dan kos kerugian pertukaran wang asing adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri.

- **Jenis Pinjaman**

Jenis-jenis pinjaman yang tawarkan adalah seperti berikut:-

Pinjaman Khas Perubatan

- Pinjaman ini dikhaskan untuk pelajar-pelajar yang mengambil bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains Veterinar di luar negara. Pelajar-pelajar yang mendapat kemudahan pinjaman ini boleh dikecualikan daripada membayar balik pinjaman sekiranya pelajar bersetuju mengikat kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama 10 tahun selepas menamatkan pengajian dengan jaya.

Pinjaman Biasa

- Pinjaman ini terbuka kepada pelajar-pelajar di dalam bidang-bidang lain yang diberi keutamaan selain daripada Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains

Veterinar. Pelajar-pelajar yang mendapat kemudahan pinjaman ini dikehendaki untuk membayar balik keseluruhan jumlah pinjaman selepas menamatkan pengajian.

- **Bayaran Balik Pinjaman**

Bayaran balik pinjaman perlu dibuat selepas pelajar berjaya menamatkan pengajian atau ditamatkan pengajian kerana sebab-sebab kelemahan akademik, sakit dan sebagainya. Bayaran secara ansuran bulanan adalah berdasarkan jumlah pinjaman yang dibuat.

Contoh jadual bayaran balik pinjaman sekiranya meminjam sebanyak RM200,000 adalah seperti berikut:-

Jumlah Pinjaman	Jumlah Bayar Balik
RM 200 000.00	RM400.00*40 Bulan
	RM600.00*120 Bulan
	RM800.00*140 Bulan
RM 250 000.00	RM500.00*40 Bulan
	RM700.00*120 Bulan
	RM973.00*150 Bulan

- **Bidang-Bidang Pengajian yang Ditaja**

Bidang-bidang pengajian yang ditaja terbahagi kepada 3 kategori umum iaitu bidang kritikal, bidang keutamaan dan bidang-bidang lain (Sains Sosial/Sastera Iktisas) seperti berikut:-

- Bidang-bidang Kritikal
 - Perubatan
 - Pergigian
 - Farmasi
 - Veterinar
- Bidang-bidang Keutamaan
 - Sains dan Teknologi (tidak termasuk Sains Komputer dan Teknologi Maklumat)
 - Kejuruteraan (tidak termasuk Elektrikal & Elektronik, Mekanikal dan Awam)
 - Senibina / RIBA Part II

- Perakaunan / ACCA
- Bidang-bidang lain (Sains Sosial & Sastera Ikhtisas) seperti:-
 - Undang-undang
 - Ekonomi
 - Kewangan/Perbankan/Pemasaran/ Perniagaan Antarabangsa
 - Perhubungan Antarabangsa
 - Komunikasi

Kursus-kursus yang diikuti hendaklah kursus yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

- **Syarat-Syarat Dan Kriteria Permohonan**

Syarat Umum

- Warganegara Malaysia;
- Berumur di bawah 25 tahun semasa permohonan dibuat;
- Pelajar telahpun berjaya menamatkan sekurang-kurangnya satu semester (bagi pelajar lepasan diploma) / setahun pengajian di luar negara dan telah berjaya masuk ke tahun berikutnya (tertakluk kepada syarat-syarat khusus);
- Ibu / Bapa / Adik-Beradik / Pelajar bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman / peminjam disenaraihitamkan / mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman (daripada JPA atau badan-badan pinjaman kerajaan yang lain);
- Ibu / bapa tidak pernah melanggar mana-mana kontrak biasiswa kerajaan (sekiranya pernah / sedang berkhidmat dengan kerajaan);
- Hanya seorang daripada ahli keluarga sahaja yang layak mendapat pinjaman pada satu-satu masa (Permohonan ahli keluarga yang lain hanya akan dipertimbangkan selepas peminjam sebelumnya telah membuat bayaran balik pinjaman sekurang-kurangnya 6 bulan).

Syarat Khusus (Syarat Kelayakan Akademik)

- Bidang Perubatan / Pergigian / Farmasi
 - Negara : Ireland / United Kingdom / Australia / New Zealand
 - Sepenuh Masa
 - Telah diterima masuk ke tahun ketiga pengajian;
 - Tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek yang diambil pada tahun pertama dan kedua; dan
 - Mengemukakan keputusan peperiksaan tahun pertama dan kedua semasa mengemukakan permohonan ke JPA.

- Program Berkembar
 - Bagi pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di bawah Program Berkembar PMC-Ireland, permohonan boleh dipertimbangkan setelah pelajar diterima masuk ke tahun dua pengajian di luar negara, tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek pada tahun pertama dan mengemukakan keputusan tersebut semasa permohonan dikemukakan ke JPA;
 - Bagi pelajar Program Berkembar IMU, pelajar perlu menyudahkan sekurang-kurangnya setahun pengajian di luar negara (taja mulai Semester Kedua Tahun 4 pengajian) serta lulus peperiksaan tahun satu, dua dan tiga dan tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek yang diambil.

➤ Negara : India / Timur Tengah / Republik Czech

- Sepenuh Masa
 - Telah diterima masuk untuk tahun kedua pengajian;
 - Mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.00 atau setaraf bagi peperiksaan akhir terkini di luar negara;
 - Tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek yang diambil dan mengemukakan keputusan peperiksaan tersebut semasa permohonan dikemukakan ke JPA.
- Program Berkembar
 - India - Perlu mendapat sekurang-kurangnya keputusan *First Class* bagi peperiksaan akhir terkini, dan bagi pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di bawah Program Berkembar Melaka-Manipal permohonan boleh dipertimbangkan setelah pelajar diterima masuk ke tahun dua pengajian di luar negara, tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek pada tahun pertama dengan mendapat keputusan tidak kurang 70% dan ke atas dan mengemukakan keputusan peperiksaan tersebut semasa permohonan dikemukakan ke JPA. **Walau bagaimanapun, tajaan hanya bagi pengajian di luar negara.**

- Bidang Kejuruteraan / Senibina
 - Pelajar perlu menyempurnakan sekurang-kurangnya satu semester (bagi pelajar-pelajar lepasan diploma)/ setahun pengajian di luar negara dan diterima masuk ke tahun berikut dengan jayanya;
 - Tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek yang diambil;
 - Mengemukakan keputusan peperiksaan akhir terkini di luar negara dengan mendapat sekurang-kurangnya CGPA2.75 bagi bidang Kejuruteraan dan CGPA2.50 bagi bidang Senibina atau setaraf.

- Bidang Sains & Teknologi / Veterinar / Bidang- Bidang Keutamaan dan Bidang- Bidang Lain
 - Negara : Ireland / United Kingdom / Australia / New Zealand / Amerika Syarikat
 - Pelajar perlu menyempurnakan sekurang-kurangnya satu semester (bagi pelajar-pelajar lepasan diploma) / setahun pengajian di luar negara dan diterima masuk ke tahun berikut dengan jayanya;
 - Pelajar tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek yang diambil;
 - Mengemukakan keputusan peperiksaan akhir terkini di luar negara dengan mendapat sekurang-kurangnya CGPA2.75 atau setaraf.

- **Cara Memohon**

Tawaran permohonan pinjaman akan dibuat 2 kali setahun berdasarkan kepada tarikh kemasukan ke universiti-universiti di luar negara. Permohonan pinjaman hendaklah dibuat melalui online. Manakala dokumen sokongan dikemukakan secara fizikal (hardcopy).

- **Tarikh Permohonan Dibuka**

Permohonan secara online mula dibuka mulai tarikh-tarikh berikut:-

- 1 Disember (tarikh tutup 28 Februari)
- 1 Jun (tarikh tutup 31 Ogos)

- **Tarikh Tutup Permohonan Online**

Tarikh tutup permohonan secara online yang ditetapkan adalah pada:-

- 28 Februari - Bagi pelajar-pelajar di Australia, New Zealand dan negara-negara yang mula pengajian pada bulan Januari, Februari dan Mac;
- 31 Ogos - Bagi pelajar-pelajar di UK, Ireland, India, US dan negara-negara lain yang mula pengajian pada bulan Julai, Ogos, September.

Salinan slip pengesahan permohonan online dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan ke JPA pada atau sebelum:-

- 10 Mac - bagi tarikh tutup permohonan online pada 28 Februari;
- 10 September - bagi tarikh tutup permohonan online pada 31 Ogos.

Tempoh proses permohonan akan mengambil masa selewat-lewatnya 40 hari bekerja selepas tarikh tutup penghantaran dokumen. Permohonan tidak akan diproses sekiranya dokumen tidak diterima pada tarikh yang ditetapkan.

- **Dokumen-Dokumen Yang Perlu Dihantar Bersama Slip Pengesahan Permohonan Online**

Pemohon perlu mengemukakan dokumen dan maklumat yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pengesahan juga boleh dibuat oleh Penasihat Pendidikan dan Latihan / Pegawai Kedutaan Besar Malaysia / Jabatan Penuntut Malaysia yang juga dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Dokumen-dokumen yang perlu disertakan adalah seperti berikut:-

- Salinan Kad Pengenalan (Pelajar & Iubapa/Penjaga & Adik-beradik);
- Salinan Surat Beranak (Pelajar & Iubapa/Penjaga);
- Salinan Pasport (Pelajar);
- Salinan surat tawaran kemasukan ke universiti/institusi (*Unconditional Offer*) dan menyertakan maklumat kos yuran pengajian setahun dan sepanjang pengajian;
- Salinan keputusan peperiksaan (dokumen asal) tahun-tahun sebelumnya untuk pengajian di luar negara;
- Salinan Sijil SPM / Sijil STPM / Matrikulasi / Diploma / A- Level / IB / Lain-lain;
- Salinan slip gaji ibubapa / penjaga;
- Salinan kad pencen ibubapa / penjaga; dan
- Salinan Borang EA (Swasta) dan Borang EC (Kerajaan) ibubapa / penjaga untuk tahun semasa dan 2 tahun sebelumnya.
- Bukti bagaimana pemohon dapat menampung kos sara hidup dan lain-lain kos semasa mengikuti pengajian di luar negara, contoh: salinan buku penyata bank, ASB dan lain-lain.

Slip pengesahan permohonan online dan dokumen yang telah disahkan hendaklah di hantar ke alamat berikut:-

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 5, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
[up: Unit Penawaran Sebelum Perkhidmatan (Luar Negara)]

- **Hak JPA**

Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar kerajaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, JPA tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan;

JPA berhak untuk membuat sebarang perubahan kepada kemudahan pinjaman yang disediakan pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu;

JPA berhak menarik balik tawaran pinjaman sekiranya didapati pemohon memberi maklumat palsu; dan

Permohonan yang tidak lengkap, tidak menepati arahan, dan tidak memenuhi syarat kelayakan sebagaimana yang dinyatakan di atas tidak akan diproses / dipertimbangkan.

- **Pertanyaan**

Sebarang kemusykilan mengenai permohonan Skim Pinjaman Yuran Pengajian Luar Negara, sila hubungi:

Unit Penawaran Sebelum Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan

Tel :03-8885 3892 / 3403 / 3406 / 3412

Faks :03-8889 2170

E-mail : pinjaman.yuran@jpa.gov.my

- **Borang Permohonan Online**

Layari Portal [Sistem Maklumat latihan\(eSILA\)](#)